

# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569



## KPDN LAKSANAKAN OPS KESAN 3.0 BERMULA 1 DISEMBER 2024

**SANDAKAN, 1 DISEMBER 2024** – Hari ini saya bersama Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) meneruskan Sesi Advokasi Berniaga Patuh Kod Etika dan Perundangan (Biz-BERKAT) di sekitar Pusat Bandar Batu 8, Sandakan.

Antara objektif Sesi Advokasi Biz-BERKAT ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan komitmen dalam kalangan para peniaga untuk mematuhi kod etika, peraturan dan undang-undang perniagaan. Ini termasuk pematuhan kepada Akta Perihal Dagangan 2011 seperti larangan untuk memberikan maklumat dan perihal dagangan palsu ke atas barang-barang, harga dan perkhidmatan termasuk pensijilan halal. Begitu juga kepatuhan kepada Akta Kawalan Bekalan 1961 seperti larangan menyimpan stok barang kawalan melebihi had kuantiti yang dibenarkan dan mengenakan syarat jualan yang tidak sah.

Pada masa yang sama, bermula hari ini juga KPDN akan melaksanakan OPS KESAN 3.0 untuk memantau dan mengekang aktiviti pencatutan. Operasi ini digerakkan sejajar dengan pelaksanaan pelarasan gaji penjawat awam melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuatkuasa bermula 1 Disember 2024.

Dalam pelaksanaan OPS KESAN 3.0, KPDN sedang dan akan menggerakkan lima pendekatan seperti berikut:

1. Melaksanakan proses pengumpulan data harga dan caj perkhidmatan yang telah bermula pada 1 Oktober 2024. Data ini akan dijadikan asas perbandingan harga dan caj perkhidmatan sebelum dan selepas pelaksanaan SSPA;
2. Mengguna pakai data-data kutipan harga yang dilaksanakan setiap hari oleh Pegawai Pemantau Harga (PPH) KPDN yang meliputi sebanyak 480 item sebagai panduan pemantauan sebarang pergerakan harga;

3. Memperkukuh kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan berkaitan dan menggalakkan partisipasi awam sejajar dengan pelaksanaan KITA GEMPUR iaitu Gerakan Membasmi Manipulasi dan Ketirisan;
4. Menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) pengurusan aduan-aduan berkaitan dengan caj, harga dan bekalan termasuk tindakan susulan penguatkuasaan perlu dijalankan dalam tempoh 24 jam dari masa aduan diterima;
5. Menyediakan saluran aduan untuk membolehkan orang ramai mengemukakan sebarang maklumat dan aduan kepada pihak Kementerian melalui saluran-saluran berikut:
  - i. WhatsApp 019-848 8000;
  - ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
  - iii. Call Centre 1-800-886-800; dan
  - iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN.

Untuk makluman, sepanjang tempoh pengumpulan data OPS KESAN 3.0, sebanyak 2,803 premis telah diperiksa di seluruh negara membabitkan 13,209 item. Setiap premis yang dilawati telah diberikan notis bertulis di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 untuk mendapatkan maklumat awal tentang harga dan perkhidmatan yang ditawarkan. Data harga dan perkhidmatan ini akan dijadikan rujukan untuk memantau sebarang pergerakan harga bermula tarikh berkuatkuasanya SSPA.

Pelaksanaan OPS KESAN 3.0 akan dilakukan bagi mengesan mana-mana pihak yang membuat peningkatan harga dengan tujuan mengaut keuntungan yang berlebihan sekali gus mengekang aktiviti pencatutan sebaik bermulanya kenaikan gaji penjawat awam. Peniaga individu yang disabitkan kesalahan melakukan pencatutan boleh didenda sehingga RM100,000.00 atau tiga tahun penjara, atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi syarikat, denda sehingga RM500,000.00 boleh dikenakan jika disabitkan kesalahan.

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

###